

AMALAN PENGURUSAN STRATEGIK DALAM KURIKULUM REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI (RBT) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN.

¹Nazeri Mohammad, ²Rosdi Mat Ali, dan ³Mohd Izham Mohd Hamzah.

¹*Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional, IPGK Sultan Mizan, Terengganu,*

²*Unit Dinamika Kemahiran, Kolej Matrikulasi Kedah.*

³*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.*

¹Nazerincs@gmail.com, ²Rosdi@kmk.matrik.edu.my, dan ³izham@pkrisc.cc.ukm.my, dan

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membuat perbandingan pengurusan strategik dalam kurikulum teras Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dalam kalangan guru-guru KH di beberapa buah sekolah menengah di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Penyelidik melakukan perbandingan prestasi pengurusan kurikulum guru-guru KH dari aspek perbezaan min yang signifikan amalan pengurusan kurikulum, amalan perancangan strategik dan amalan pelaksanaan strategik. Di samping itu juga, penyelidik mengkaji hubungan dan pengaruh antara umur dan pengalaman mengajar dalam kalangan guru KH. Teknik pensampelan bertujuan ditadbirkan ke atas 238 orang guru sekolah menengah di 2 buah daerah dalam negeri Pahang. Instrumen kajian merangkumi 22 item Pengurusan Strategik dengan nilai kebolehpercayaan, $\alpha = 0.915$. Alat statistik bentuk deskriptif, Ujian-t sampel bebas, ANOVA sehalu, Korelasi Pearson dan Regresi Linear digunakan dalam pemprosesan data kajian. Keputusan ANOVA sehalu menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam pengurusan kurikulum dalam kalangan guru-guru KH. Keputusan Korelasi Pearson pula mendapati terdapat hubungan signifikan antara umur dengan pengurusan kurikulum guru-guru KH ($r = 0.133$, $k < 0.05$) dengan kekuatan korelasinya yang lemah. Dapatan yang sama diperoleh hubungan antara pengalaman mengajar subjek KH dengan Pengurusan Strategik, ($r = 0.140$, $k < 0.05$). Selanjutnya, keputusan analisis Regresi Sehalu mendapati terdapat pengaruh yang signifikan antara pengalaman mengajar subjek KH dengan pengurusan strategik guru-guru KH [$R^2 (1.236) = 0.020$, $F = 4.858$, $k < 0.05$].

Kata Kunci: mengajar kemahiran hidup, reka bentuk dan teknologi, pengurusan strategik pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

This study aims to compare the strategic management of core curriculum Design and Technology (RBT) among KH teachers in secondary schools in the East Coast of Peninsular Malaysia. Researchers did a comparison of curriculum management performance of teachers in terms of KH significant difference in curriculum management practices, the practice of strategic planning and strategic implementation practices. In addition, the researchers examined the relationship between age and the influence of teaching experience among KH teachers. Purposive sampling technique administered over 238 secondary school teachers in the two districts in the state of Pahang. Survey instrument includes 22 items with reliability Strategic Management, $\alpha = 0.915$. Form of descriptive statistical tools, samples t-test, ANOVA, Pearson correlation and linear regression is used in processing the data. ANOVA results showed that there were significant differences in the management curriculum among KH teachers. Pearson Correlation Results found significant relationship between age and curriculum management KH teachers ($r = 0.133$, $p < 0.05$) with the strength of the correlation is weak. Similar findings obtained relationship between the experience of teaching the KH subject with Strategic Management, ($r = 0.140$, $p < 0.05$). Furthermore, the results of regression analysis One way that there is a significant influence taught with strategic management KH teachers [$R^2 (1.236) = 0.020$, $F = 4858$, $p < 0.05$].

Keywords: teaching living skills, design and technology, strategic management, teaching and Learning.

PENDAHULUAN

Sistem pendidikan negara kini telah memberi ruang kepada guru-guru untuk menggunakan kreativiti dan budi bicara mereka dalam membantu pelajar menimba ilmu pengetahuan daripada menghadkan mereka kepada kurikulum yang tegar (Muhyiddin 2010). Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) telah dinyatakan supaya perluasan kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 nanti. Menurut Muhyiddin (2010) lagi, kita perlu berganjak daripada pendekatan Model Kilang Penghasilan Pendidikan (*Factory Model Of Producing Education*) kepada Model Penciptaan Pengajaran dan Pembelajaran yang memberangsangkan minda, yang menguji daya kreativiti dan inovasi, yang mencungkil keupayaan menyelesaikan masalah dan mengasah ketajaman penaakulan (*reasoning*) pelajar. Ertinya, orientasi pengajaran dan pembelajaran mesti berganjak daripada pembelajaran berbentuk hafalan (*rote learning*) kepada pembelajaran yang memberangsangkan akal (*mind stimulating learning*).”

LATAR BELAKANG KAJIAN

Mata pelajaran KH ini telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ke arah membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam teknologi dan ekonomi serta sanggup bekerjasama dan sentiasa bersedia untuk belajar dalam suasana bekerja. Tenaga kerja yang sedemikian rupa dapat memenuhi inspirasi, aspirasi dan keperluan negara yang sedang membangun dalam zaman yang sedang menyaksikan kemajuan teknologi komunikasi maklumat (PPK. 2002). Mata pelajaran ini dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif. Matlamat utama mata pelajaran ini adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang senantiasa berubah untuk kehidupan harian (PPK. 2002). Kurikulum KH ini di hasratkan dapat memperkembangkan kebolehan pelajar dalam kemahiran teknologi, kecenderungan mereka cipta dan semangat keusahawanan. Kemahiran asas yang sedemikian dapat digunakan sepenuhnya untuk membolehkan pelajar berdikari dan yakin diri serta mampu menjalani kehidupan secara produktif dalam dunia teknologi dan ekonomi yang kompleks dan sentiasa berubah. Bagi mencapai hasrat tersebut, sistem pendidikan telah bergerak seiring dan bersiap sedia melakukan anjakan bagi membantu melahirkan modal insan yang berilmu, berinovatif, kreatif dan berdaya saing serta mampu memacu pembangunan negara di masa hadapan.

Guru sebagai pelaksana kurikulum perlu menyokong perubahan kurikulum dan berpandangan positif terhadap sebarang perubahan (Mohd Azlan dan Yahya Buntat. 2009). Walau bagaimanapun, ada kalanya mereka tidak dapat menghayati falsafah perubahan itu secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Aini Hassan dan Wan Hasmah Wan Mamat. 2007). Masih terdapat guru yang kurang pasti cara dan bagaimana melaksanakan perubahan yang sepatutnya. Guru mesti yakin tentang keperluan untuk berubah (Misnan Jemali. 2008). Perubahan untuk seketika sahaja malah, guru perlu seiring dalam proses penggubalan kurikulum. Ini disebabkan mereka bukan sahaja menjadi barisan hadapan yang mengetahui keadaan sebenar, tetapi mereka juga sebagai agen pelaksana perubahan (Nazeri. 2009). Mereka perlu menggunakan peluang untuk mengemukakan idea dan diberi masa untuk mendalami perubahan yang dicadangkan (Nazeri, Zamani dan Ramlee. 2010). Amalan pengajaran yang berkesan berfungsi untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif dalam bilik darjah (Mohd Aderi. 2008). Pelajar hendaklah dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran (Nazeri, Ruhizan & Ramlee. 2010) dan pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada kepelbagaian pelajar (Nazeri, Ruhizan & Saemah. 2010). Apatah lagi dalam pengajaran RBT, ianya memerlukan gerak kerja amali bagi memberikan kefahaman tentang kerja amali dalam komponen serta topik-topik dalam RBT. Ini termasuklah melakukan kerja amali masakan, baikpulih kerosakan kecil peralatan elektrik, menyediakan medium memasu dengan betul dan sebagainya (Nazeri. 2009). Pengajaran komponen dalam RBT memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi untuk menunjuk cara tatacara melakukan kerja amali secara teratur dan selamat. Maka, guru-guru KH seharusnya mampu untuk menghasilkan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran dengan membina pelbagai kemahiran di dalam kelas mahupun bengkel KH dan

boleh meningkatkan kecekapan, meluaskan skop pembelajaran. Yang mana ini adalah bermatlamatkan bagi meningkatkan pengajaran guru secara lebih berkesan dan menarik. Kajian ini bertujuan untuk membuat perbandingan pengurusan strategik dalam kurikulum teras Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dalam kalangan guru-guru KH di beberapa buah sekolah menengah di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan menumpukan kepada pengajaran komponen RBT bagi kategori sekolah bandar dan luar bandar.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan strategik dalam kalangan guru yang mengajar Reka Bentuk dan Teknologi di sekolah menengah bandar dan luar bandar.
2. Menenal pasti perbezaan amalan pengurusan kurikulum dalam kalangan guru yang mengajar Reka Bentuk dan Teknologi mengikut komponen Reka Bentuk dan Teknologi yang diajar.
3. Menenal pasti pengaruh yang signifikan antara umur guru dan pengalaman mengajar dengan amalan perancangan strategik dalam kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi.

HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan amalan pengurusan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah bandar dan luar bandar.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah bandar mengikut komponen Reka Bentuk yang diajar.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah luar bandar mengikut komponen Reka Bentuk yang diajar.
- Ho5 Tidak terdapat perbezaan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah luar bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar.
- Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi guru Kemahiran Hidup mengikut umur.
- Ho7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dengan pengalaman mengajar.
- Ho8 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan terhadap umur dengan prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup.
- Ho9 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan terhadap pengalaman mengajar dengan prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kuantitatif untuk mendapatkan persepsi guru-guru dalam amalan pengurusan strategik dalam kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dari aspek amalan pengurusan kurikulum, amalan perancangan strategik, dan amalan pelaksanaan strategik. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berupa soal selidik yang diubahsuai dari kajian Rosdi (2013); Nazeri dan Ruhizan (2009). Ianya telah ditadbirkan kepada 238 guru KH yang mengajar RBT tingkatan dua di sekolah-sekolah menengah bandar dan luar bandar yang terdapat di sekitar daerah Jerantut dan Temerloh, Pahang. Penyelidik menggunakan statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan kekerapan manakala statistik inferens seperti ujian-t, ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Linear juga digunakan dalam kajian ini. Pemilihan alat statistik di atas adalah berdasarkan pengujian hipotesis kajian yang menggunakan skala pengukuran nominal, ordinal dan sela. Memandangkan pemilihan respons adalah mengikut skala seperti Skala Likert, pekali Alpha Cronbach digunakan bagi memperoleh indeks kebolehpercayaan dalaman instrumen (Cohen dan Swerdlik. 2002). Bryman dan Bell(2003) menyatakan bahawa nilai Alpha Cronbach adalah berada di antara 0 (menunjukkan tiada kebolehpercayaan dalaman) dan 1 (menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang sempurna). Limit bawah alpha yang umum dipersetujui digunakan ialah 0.7; tetapi nilai tersebut menurun kepada 0.6

dalam kebanyakan kajian tinjauan (Hair et al. 2010). Bagi maksud kajian ini, nilai yang diguna pakai adalah 0.6 dan ke atas. Secara keseluruhannya, nilai kebolehpercayaan item bagi 22 item prestasi pengajaran dan pembelajaran dalam soal selidik dengan nilai Alpha Cronbach adalah 0.915. Ini menunjukkan nilai Alpha bagi soal selidik ini sangat tinggi dan sesuai untuk mengukur prestasi pengajaran dan pembelajaran bagi keperluan kajian ini. Berikut adalah Jadual 1 yang menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* untuk 22 item yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Kebolehpercayaan 22 Item Amalan Pengurusan Strategik dalam Kurikulum RBT.

<i>Cronbach's Alpha</i>	Bilangan item
0.915	22

DAPATAN KAJIAN

Ho1 Tidak terdapat perbezaan amalan pengurusan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah bandar dan luar bandar.

Pengurusan strategik	Lokasi sekolah	n	min	s.p	dk	t	Sig.(2hujung)
	Bandar	124	3.8823	.50530	236	1.398	.163
	Luar bandar	114	3.7847	.57216			

Jadual 2: Analisis Perbezaan Min pengurusan strategik dalam kalangan guru KH yang mengajar RBT di Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar.

Tahap signifikan iaitu nilai p kurang daripada 0.05 membolehkan suatu hipotesis nol ditolak. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan pengurusan strategik dalam kalangan guru KH yang mengajar RBT di sekolah menengah bandar dan luar bandar, $t(236) = 1.398$, $k > .05$. Meskipun wujud perbezaan min guru-guru yang mengajar teras Reka Bentuk dan Teknologi dalam KH di sekolah menengah bandar (Min = 3.88) lebih tinggi berbanding sekolah menengah luar bandar (Min = 3.78), namun perbezaan min tersebut tidak signifikan. H_01 diterima.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah bandar mengikut komponen Reka Bentuk yang diajar.

Deskriptif

Komponen Reka Bentuk dan Teknologi	n	min	s.p	maksimum	minimum
Reka Bentuk dan Penghasilan Projek	29	3.8245	.57812	4.91	3.00
Elektronik	26	3.9441	.46698	4.91	2.68
Lukisan Teknik	18	3.9747	.63907	5.00	2.68
Masakan	50	3.8582	.43158	4.95	3.00
Tanaman Hiasan	1	3.5000	.	3.50	3.50
Jumlah	174	3.8823	.50530	5.00	2.68

ANOVA

Komponen Reka Bentuk dan Teknologi	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan.	.525	4	.131	.506	.731
Dalam kumpulan.	30.880	119	.259		
Jumlah	31.405	123			

Jadual 3: Analisis perbezaan amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru yang mengajar teras Reka Bentuk dan Teknologi dalam KH di sekolah menengah bandar mengikut Komponen Reka Bentuk dan Teknologi yang diajar.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dalam Jadual 3 didapati amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru yang mengajar teras Reka Bentuk dan Teknologi dalam KH di sekolah menengah bandar mengikut Komponen Reka Bentuk dan Teknologi yang diajar tidak berbeza secara signifikan, $F(4, 119) = 0.506$, $k > .05$ iaitu .731. Oleh yang demikian, H_02 diterima.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar.

Deskriptif

Subjek Kemahiran Hidup yang diajar	n	min	s.p	minimum	maksimum
Pertanian(SPN)	10	3.9864	.46555	3.09	4.95
Ekonomi Rumah tangga (ERT)	25	3.9327	.52357	2.68	4.91
Kemahiran Teknikal(KT)	84	3.8279	.50631	2.68	5.00
Perdagangan dan Keusahawanan(PK)	5	4.3364	.19177	4.05	4.55
Jumlah	124	3.8823	.50530	2.68	5.00

ANOVA

Subjek Kemahiran Hidup yang diajar	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan.	1.451	3	.484	1.938	.127
Dalam kumpulan.	29.954	120	.250		
Jumlah	31.405	123			

Jadual 4: Analisis perbezaan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dalam Jadual 4, didapati pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar tidak berbeza secara signifikan, $F(3, 120)=1.938$, $k > .05$ iaitu 0.127. Oleh yang demikian, H_03 diterima.

Ho4 Tidak terdapat perbezaan amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah luar bandar mengikut komponen Reka Bentuk yang diajar.

Deskriptif

Komponen Reka Bentuk dan Teknologi	n	min	s.p	minimum	maksimum
Reka Bentuk dan Penghasilan Projek	21	3.7792	.55879	2.55	4.59
Elektronik	18	3.8409	.53357	2.64	4.86
Lukisan Teknik	15	3.7333	.47669	2.73	4.41
Masakan	60	3.7826	.61930	2.55	4.82
Tanaman Hiasan	114	3.7847	.57216	2.55	4.86
Jumlah	21	3.7792	.55879	2.55	4.59

ANOVA

Komponen Reka Bentuk dan Teknologi	Jumlah kuasa dua	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan.	.097	3	.032	.097	.962
Dalam kumpulan.	36.895	110	.335		
Jumlah	36.992	113	.032		

Jadual 5: Analisis perbezaan amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah luar bandar mengikut komponen Reka Bentuk yang diajar

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dalam Jadual 5, amalan pelaksanaan strategik dalam kalangan guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah luar bandar mengikut komponen Reka Bentuk yang diajar tidak berbeza secara signifikan, $F(3, 110) = 0.097$, $k > .05$ iaitu .962. Oleh yang demikian, H_04 diterima.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah luar bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar.

Deskriptif					
Subjek Kemahiran Hidup yang diajar	n	min	s.p	minimum	maksimum
Pertanian(SPN)	11	3.7934	.75552	2.64	4.86
Ekonomi Rumah tangga(ERT)	21	3.7532	.38154	3.09	4.55
Kemahiran Teknikal(KT)	79	3.7860	.58642	2.55	4.82
Perdagangan dan Keusahawanan(PK)	3	3.9394	.85321	2.95	4.45
Jumlah	114	3.7847	.57216	2.55	4.86

ANOVA					
Subjek Kemahiran Hidup yang diajar	Jumlah kuasdua	dk	Min kuasdua	F	Sig.
Antara kumpulan.	.094	3	.031	.093	.964
Dalam kumpulan.	36.898	110	.335		
Jumlah	36.992	113			

Jadual 6: Analisis perbezaan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah luar bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dalam Jadual 6 pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru KH di sekolah menengah luar bandar mengikut subjek Kemahiran Hidup yang diajar tidak berbeza secara signifikan, $F(3, 110) = 0.093$, $k > .05$ iaitu .964. Oleh yang demikian, H_05 diterima.

Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi guru Kemahiran Hidup mengikut umur.

Deskriptif			
Pemboleh ubah	min	s.p	n
Pengurusan kurikulum RBT	3.8356	.53943	238
Umur	34.57	7.101	238

Korelasi		
Pengurusan Kurikulum RBT		
umur	Korelasi Pearson	.133*
	Sig. (2-hujung)	.041
	n	238

Jadual 7: Analisis korelasi antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dalam kalangan guru Kemahiran Hidup mengikut umur.

Ujian data dengan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi guru Kemahiran Hidup mengikut umur ($r=.133$, $k<0.05$). Nilai r yang diperoleh adalah rendah dan kekuatan korelasinya lemah. Korelasi positif yang signifikan ini mengesahkan amalan pengurusan kurikulum guru-guru yang mengajar

teras Reka Bentuk dan Teknologi meningkat mengikut umur. Oleh itu, H_06 ditolak.

Ho7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dengan pengalaman mengajar.

Deskriptif			
Pemboleh ubah	min	s.p	n
Pengurusan kurikulum dalam RBT	3.8356	.53943	238
Pengalaman mengajar	7.07	5.792	238

Korelasi		
Pengurusan kurikulum dalam RBT		
Pengalaman mengajar	Korelasi Pearson	.140*
	Sig. (2-hujung)	.031
	n	238

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Jadual 8: Analisis korelasi pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dengan pengalaman mengajar.

Ujian data dengan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dengan pengalaman mengajar, ($r=.140$, $k<0.05$). Nilai r yang diperoleh adalah rendah dan kekuatan korelasinya sangat lemah. Korelasi positif yang signifikan ini mengesahkan pengurusan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi dengan pengalaman mengajar meningkat mengikut pengalaman mengajar. Oleh itu, H_07 ditolak.

Ho8 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan terhadap umur dengan prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup.


Coefficients ^a					
Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	β	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	3.207	.143		22.455	.000
umur	.008	.004	.127	1.963	.051

a. Dependent Variable: prestasi perancangan strategik

$R=.127^a$, $R\text{ Square}=.016$, $df1=1$, $df2=236$, $F=3.855$, $Sig.=.051^a$

Jadual 9: Analisis Regresi Linear antara umur dengan prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup.

Jadual 9 menunjukkan bahawa umur guru KH tidak memberi pengaruh yang signifikan ke atas prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup. [$R^2(1,236)=.016$, $F=3.855$, $k>0.05$]. Oleh yang demikian H_08 diterima. Berdasarkan nilai R^2 , umur menerangkan sebanyak 5% varians prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup, manakala 95% lagi diterangkan oleh faktor lain. Berdasarkan $\beta=.008$, peningkatan 1 unit umur hanya akan menyebabkan peningkatan sebanyak .008 unit prestasi perancangan strategik guru-guru Kemahiran Hidup. Pengaruh umur terhadap prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup adalah seperti yang ditunjukkan oleh Graf 1.



Graf 1 menunjukkan pengaruh umur terhadap prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup.


Ho9 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan terhadap pengalaman mengajar dengan prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup.

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	β	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	3.405	.045		75.303	.000
Pengalaman mengajar subjek	.011	.005	.142	2.204	.028

a. Dependent Variable: prestasi perancangan strategik

$R = .142^a$, $R\text{ Square} = .020$, $df1 = 1$, $df2 = 236$, $F = 4.858$, $Sig. = .028^a$

Jadual 10 menunjukkan pengalaman mengajar memberi pengaruh signifikan ke atas pengalaman mengajar dengan perancangan strategik dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup [$R^2(1,236) = .020$, $F = 4.858$, $k < 0.05$]. Oleh yang demikian H_09 ditolak. Berdasarkan nilai R^2 , pengalaman mengajar menerangkan sebanyak 2% varians perancangan strategik, manakala 98% lagi diterangkan oleh faktor lain. Berdasarkan $\beta = .011$, peningkatan 1 unit pengalaman mengajar akan menyebabkan peningkatan sebanyak .011 unit prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru KH. Pengaruh pengalaman mengajar KH terhadap prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru adalah seperti yang ditunjukkan oleh Graf 2



Graf 2 menunjukkan pengaruh pengalaman mengajar KH terhadap prestasi perancangan strategik dalam kalangan guru KH.

PERBINCANGAN DAN PENUTUP

Keputusan ANOVA sehalu menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam pengurusan kurikulum dalam kalangan guru-guru KH. Keputusan Korelasi Pearson pula mendapati terdapat hubungan signifikan antara umur dengan pengurusan kurikulum guru-guru KH ($r=0.133$, $k<0.05$) dengan kekuatan korelasinya yang lemah. Dapatan yang sama diperoleh hubungan antara pengalaman mengajar subjek KH dengan perancangan strategik, ($r=0.140$, $k<0.05$). Selanjutnya, keputusan analisis Regresi Sehalu mendapati terdapat pengaruh yang signifikan antara pengalaman mengajar subjek KH dengan perancangan strategik guru-guru KH [$R^2 (1.236) = 0.020$, $F=4.858$, $k < 0.05$]. Ringkasnya, tiada perbezaan signifikan antara subjek KH yang diajar, amalan perancangan strategik, dan amalan pelaksanaan strategik dengan prestasi perancangan strategik Kemahiran Hidup sekolah menengah bandar dan luar bandar. Penyelidikan ini juga mendapati terdapat hubungan dan pengaruh yang signifikan antara umur dan pengalaman mengajar dengan prestasi amalan pengurusan strategik Kemahiran Hidup. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak pentadbir sekolah dan pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) yang berkaitan dengan pengurusan kurikulum pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) mengenai perbandingan prestasi pengajaran dan pembelajaran guru-guru yang mengajar teras Reka Bentuk dan Teknologi dalam KH sekolah menengah bandar dan luar bandar

BIBLIOGRAFI

- Alimuddin Bin Mohd Dom. (2006). Laporan Nazir 2006.
- Alimuddin Bin Mohd Dom. (2007). Siri Ucapan Ketua Pengarah Pelajaran Sempena Hari Guru 2007.
- Abd Rashid Abd Samad. (2001). *Kepimpinan Strategik: Suatu Dimensi Baru Dalam Kepimpinan Kepengetuaan*.
- Abd Aziz B Mahmuddin. (2009). *Konsep-konsep Pengurusan Strategik: Apakah Strategi*. Unit Pembangunan Korporat. Universiti Malaysia Perlis.
- Abd Jawi Bin Abnoh Sawi. (2007). *Pengaruh Perancangan Strategik dan Kepimpinan Pentadbiran terhadap Pembentukan Sekolah Selamat*. Tesis tidak diterbitkan. Universiti Malaysia Sabah
- Awang Omar Gana (2007). *Amalan Pengurusan Strategik dalam Kalangan Pengurus Sekolah Agama di Sabah*. Thesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malaysia Sabah
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B.J., Anderson, R. E., & Tatham, R.L. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th edn). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Jaafar Khamis. (2007). *Tahap Pengupayaan Terhadap Guru Kanan Mata Pelajaran di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Muar*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia
- Kepemimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah. (2001). Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur
- Mahathir Mohammad (Tun,Dr). (2001). *Kata-kata aluan*. Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Fuad B Mohd Nor. (1997). *Perancangan Strategik dan Kesannya Ke Atas Industri Kecil dan Sederhana*. Tesis Tidak Diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhyiddin Mohd Yassin. (2010). Teks ucapan pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Guru 2010 Peringkat Kebangsaan Ke-39 di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Dasarinovatif_insentif_dorong_guruberi_khidmatcemerlang/Article [17 mei 2010]
- Nazeri Mohammad. (2009). Perubahan Kurikulum Berasaskan Standard Dalam Transformasi Kurikulum Kebangsaan. *Jurnal Akademik Al Mizan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan Besut, Terengganu. Bil. 2: 93-102

- Nazeri Mohammad, Zamani Ibrahim dan Ramlee Mustapha. (2010). Keupayaan dan Sikap Pelajar Kemahiran Teknikal Dalam Menyelesaikan Masalah Pengiraan Kuasa Elektrik Bagi Kurikulum Teras Reka Bentuk & Teknologi. Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-4 di ESSET, Bangi. 1-12.
- Nazeri Mohammad, Ruhizan Mohamad Yasin & Ramlee Mustapha. (2010). A Survey on the Design and Technology-based Subjects: Students' Perspective. International Conference on Learner Diversity 2010. *Jurnal Procedia Social and Behavioral Sciences* 7(C) (2010) 363–368.
- Nazeri Mohammad, Ruhizan Mohamad Yasin & Saemah Rahman. (2010). Review of teaching and learning technical skills (basic electrical and electromechanical) from one the district of Besut, Terengganu. *Proceeding of 1st UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training*. Aston Tropicana Hotel, Bandung, Indonesia. 10-11 November 2010. 323-330. ISSN: 2087-4782.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2009) 2001 – 2010. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur
- Sekaran, U. (2003). *Research method for business: A skill-building approach* (4 ed.). New York: John Wiley & Sons.